Dalam kes ini, boleh ke kalau kita mendahulukan puasa sunat berbanding qada puasa tadi?

Sebenarnya tiada masalah untuk mendahulukan puasa sunat dulu yang mana ada riwayat sebutkan yang Sayyidah Aisyah ganti puasa beliau pada bulan Syaaban yang berikutnya.

Malah, qada puasa berada dalam kategori wajib muwassa" (yang luas tempoh masanya), berkaitan tentang puasa sunat enam, terdapat dua pendapat utama.

Pertama, puasa qada dan sunat perlu dipisahkan. Dalam hadis jelas menyebut: "Siapa puasa Ramadan, kemudian diikuti puasa enam hari Syawal, pahalanya seperti puasa sepanjang tahun."

Pada ayat: "Puasa Ramadan, kemudian diikuti 6 hari Syawal.... "puasa itu termasuk dalam puasa Ramadan.

Jadinya, kalau nak dapatkan ganjaran pahala penuh puasa setahun, kena qada dahulu, kemudian puasa sunat enam hari Syawal.

Pandangan kedua pula, sebahagian ulama al-Syafi'eyyah berpendapat bahawa boleh sekalikan keduanya iaitu puasa qada dan puasa sunat enam Syawal.

Dalam erti kata lain, seseorang yang qada puasa Ramadan berjumlah enam hari atau lebih dalam buan Syawal, maka dia tetap mendapat fadilat puasa enam.

Cuma ganjarannya tidaklah penuh seperti seseorang yang asingkan antara kedua-dua puasa berkenaan.

Nak ganjaran penuh atau tidak, semuanya terpulang kepada diri kita.

Namun begitu, seandainya kita mampu menghabiskan qada puasa dulu, kemudian diikuti oleh puasa sunat, itu adalah lebih baik.

Tapi jika tidak pun, kita masih boleh berpuasa sunat enam, barulah qada puasa sepertimana yang dilakukan oleh isteri Rasulullah SAW, Sayyidah Aisyah RA.

Kepada mereka yang sudah berpuasa sunat Syawal, selamat berpuasa. Semoga ALLAH memberikan rahmat dan keberkatan atas amalan yang dilakukan.








sec1-mimie(MAIM) 8 jun 2020_Layout 1 5/6/2020 9:04 PM Page 1



# Setinggi-tinggi Tahniah

Kepada



**Tuan Yang Terutama**
**Tun Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam**
*S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.*

Di atas pelantikan sebagai

## *Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7*

Setulus Ikhlas daripada

**Ahli Lembaga Pengarah,**
**Setiausaha & Seluruh Warga Kerja**
**Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)**

BARU dak am_Layout 1 5/6/2020 8:32 PM Page 10




# Setinggi-tinggi Tahniah

Kepada



**Tuan Yang Terutama**
**Tun Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam**
*S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.*

Di atas pelantikan sebagai

## *Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7*

Setulus Ikhlas daripada

PKNM
*Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka*

PENGERUSI, AHLI LEMBAGA PENGARAH,
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF, SELURUH WARGA KERJA
DAN ANAK SYARIKAT PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI MELAKA

M'Corp Hotel Sdn Bhd | PKNM ENERGY | MBSB | MELAKA SENTRAL SDN. BHD. | MITC MELAKA INTERNATIONAL TRADE CENTRE | PMH PERBADANAN MELAKA HOLDINGS | PM Multilink | PMPC PM PROJECTS CENTRE

page 26 dak am final_Layout 1 6/6/2020 1:38 AM Page 1



# BUDIMU DIJULANG, JASAMU DIKENANG



**DATUK MUHAMMAD JAILANI KHAMIS**
EXCO PELANCONGAN, WARISAN DAN KEBUDAYAAN

"Saya takkan lupakan idea dan nasihat beliau yang sentiasa mahu berada di satu tahap yang cukup berbeza di antara orang lain terutama melonjakkan nama Melaka kepada tahap negeri yang gemilang, luar biasa sehingga 'dicemburui' negeri lain. Bagi saya, Tun diletakkan di antara kalangan negarawan terbilang setanding Tun Ghaffar Baba dan yang lain kerana kepimpinan yang begitu karismatik, berkemampuan tinggi dan berpandangan jauh dalam membangunkan ekonomi Melaka terutama sektor pelancongan. Terima kasih Tun, hanya Allah yang akan membalas budi dan jasamu".



**DATUK S MAHADEVAN**
MANTAN ADUN GADEK

"Satu pengalaman berharga yang takkan saya lupakan apabila kali pertama bersama beliau dalam sesi lawatan kerja ke Eropah beberapa tahun dahulu. Ketika itu saya hanyalah Setiausaha Khas Ketua Menteri dan tunjuk ajar beliau menjadikan siapa saya hari ini. Apa yang menjadi pegangan saya adalah beliau sering menasihati saya agar sentiasa membantu masyarakat dan setiap pertolongan itu tidak perlu mengharapkan pembalasan, perlu ikhlas hati dalam perjuangan dan apa yang penting Tuhan sentiasa melihat. Terima kasih atas tunjuk ajar yang diberikan, jasamu dikenang sehingga akhir hayat".



"Beliau sering berpesan kepada saya pada ketika dahulu sekiranya pembangunan perumahan Melaka ingin dibangunkan maka perlu menekankan konsep dan kebudayaan yang bercirikan Melaka dan akhirnya ia menerima sambutan hebat dari semua pihak. Nasihat yang diberikan terhadap setiap pimpinan negeri ini cukup hebat dan ini menandakan beliau seorang pemimpin terhebat. Malah, beliau selalu menasihati agar kebudayaan itu mesti dikekalkan biarpun pelbagai pembangunan dibangunkan di negeri ini. Terima Kasih Tun, semoga Allah memberikan kesihatan yang baik buatmu dan keluarga tercinta".

> Apa yang beliau mahu walaupun wujudnya pembangunan namun kebudayaan itu mesti dikekalkan kerana dari kebudayaan itulah wujudnya perikatan perpaduan di setiap kaum di Melaka yang menjadikan negeri ini hebat dan sejahtera..

**DATUK WIRA ISMAIL OTHMAN**
EXCO PERPADUAN, HUBUNGAN MASYARAKAT, TENAGA KERJA DAN HAL EHWAL PENGGUNA



**DATUK LIM BAN HONG**
PENGERUSI MCA MELAKA

"Perkongsian pengalaman bersama beliau cukup memberi satu pengalaman berharga buat saya. Apa yang saya lihat Tun merupakan seorang pemimpin yang peramah, mesra dan sudi berkongsi pengalaman beliau demi kebaikan negara dan rakyat. Perkongsian pengalaman dan idea beliau berkenaan dengan hala tuju dan pembangunan negeri Melaka dalam menghadapi saingan dan arus globalisasi serta strategi untuk membina jenama Melaka di peringkat antarabangsa adalah satu usaha murni yang harus disanjung tinggi".



**DATUK NORHIZAM HASSAN BAKTEE**
EXCO PERTANIAN, PENTERNAKAN, PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI

"Beliau sering menasihati saya agar abaikan apa yang orang cakap dengan perkara yang diviralkan kerana beliau mahukan pemimpin yang tegas sama seperti saya. Tun sering mengatakan apabila tular sesuatu isu, itulah KPI saya yang menandakan saya buat kerja, saya dilantik untuk berkhidmat kepada rakyat. Usah pedulikan apa orang cakap, itu pesan Tun. Terima kasih atas tunjuk ajar yang dicurahkan.Ada rezeki kita bertemu lagi".



# JASAMU DIKENANG...



**Azlan Abidin,**
CEO Menara Taming Sari

"Saya selaku Ketua Pegawai Eksekutif Menara Taming Sari yang sebelum ini berkhidmat di Melaka River Cruise sangat menghargai jasa dan idea yang dicurahkan Tun Dr Mohd Khalil sewaktu The Grand Cultural Festival 2019 yang lalu yang mana festival berkenaan bukan sahaja berjaya, malah mencipta sejarah tersendiri di Melaka. Ia merupakan hasil cetusan idea Tun sendiri. Kami sangat menghargai jasa Tun dan berdoa agar Tun, Toh Puan dan keluarga sentiasa dilindungi Allah SWT".



**Samsiah Saud, 49,**
Peniaga

"Terima kasih diucapkan kepada Tun Dr Mohd Khalil yang telah berkhidmat dengan baik selama ini di negeri Melaka. Segala jasa dan budi Tun akan kami kenang sampai bilabila. Kepada TYT baharu yang bakal mengambil alih jawatan tersebut, saya berharap agar legasi tersebut akan diteruskan dengan jujur dan ikhlas demi semua rakyat negeri in".



**Abu Bakar Abdul Rahman, 62,**
Pesara kerajaan

"Banyak budi dan jasa telah ditinggalkan Tun Dr Mohd Khalil Yaakob yang akan dikenang sampai bila-bila oleh seluruh rakyat negeri Melaka. Terima kasih di atas jasa bakti yang dicurahkan selama 16 tahun memegang jawatan sebagai TYT Melaka. Kami menghargai segala penat lelah Tun dalam menjadikan Melaka seperti yang ada sekarang. Walau siapa jua yang akan menggantikan tempat Tun, kami mendoakan agar dapat membawa kemajuan negeri Melaka yang kami sayangi".



**Fatimah Hassan, 52,**
Surirumah

"Tun Dr Mohd Khalil seorang pemimpin berjiwa rakyat dan akan terus dikenang oleh seluruh rakyat negeri Melaka. Terima kasih untuk 16 tahun yang indah di bumi bersejarah ini. Kepada TYT baharu, kami mendoakan agar keharmonian dan kemajuan dapat diteruskan agar semua rakyat hidup dalam suasana aman dan sejahter".



**Ahmad Aizat Samad, 31,** Pekerja Swasta

"Terima kasih kepada Tun Dr Mohd Khalil Yaakob atas sumbangan dan jasa kepada rakyat Melaka semasa menjadi ketua kerajaan negeri selama 4 penggal. Jasa Tun amatlah kami hargai. Diharap TYT baharu akan mentadbir negeri Melaka dapat melaksanakan tugas dengan adil dan saksama, serta memacu negeri melaka lebih maju dari segi ekonomi dan pelancongan pada masa hadapan".

BARU dak am_Layout 1 5/6/2020 8:34 PM Page 12



# *Setinggi-tinggi Tahniah*

Kepada



## Tuan Yang Terutama
## Tun Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam

*S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.*

Di atas pelantikan sebagai

## *Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7*

Setulus Ikhlas daripada

**HONDA**
The Power of Dreams

# *Setinggi-tinggi Tahniah*

Kepada



**Tuan Yang Terutama**
**Tun Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam**
*S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.*

Di atas pelantikan sebagai

## *Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7*

Setulus Ikhlas daripada

**Yong Chuan Tian Temple**

sec1-mimie(MAIM) 8 jun 2020_Layout 1 5/6/2020 9:22 PM Page 14



# Setinggi-tinggi Tahniah

Kepada



**Tuan Yang Terutama**
**Tun Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam**
*S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.*

Di atas pelantikan sebagai

## *Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7*

Setulus Ikhlas daripada

**Presiden, Ahli Jawatankuasa**
**dan Semua Ahli Persatuan Peranakan Baba Nyonya Malaysia**

PERANAKAN
BERSATU
MAJU

page aizat_Layout 1 6/6/2020 2:09 AM Page 5



MINDA

# TUN KHALIL MEMAHAT SANUBARI WARGA MELAKA

Muhammad Anwar Fahmi Hari Das Abdullah
anwarfahmi36@gmail.com
Pensyarah Kanan Fakulti Komunikasi Dan Pengajian Media (FKPM)
Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka



MELAKA bumi bertuah, menyemai khazanah sejarah kepahlawanan bangsa. Dunia mampu mengenali Malaysia daripada sejarah kesultanannya.

Negeri ini kembali harum disebut-sebut di bawah dua tokoh terkemuka yang dilihat sangat lestari, berkredibiliti, berkarisma, intelektual serta memiliki "blueperint" dan berjiwa besar.

Tun Tan Sri Datuk Seri Utama Dr. Mohd Khalil Yaakob yang dilahirkan pada 29 Disember 1937 di Kuantan, Pahang melakar sejarah di Melaka melalui peranannya sebagai Tuan Yang Terutama (TYT), Yang di-Pertua Negeri Melaka keenam pada 4 Jun 2004.

Tun Mohd. Khalil mendapat pendidikan awal di Sekolah Ahmad Shah sebelum meneruskan pengajian di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) seterusnya melanjutkan pengajian di Universiti Malaya.

Dari aspek kronologi kepimpinan sebelum menjadi TYT Melaka, beliau pernah memegang pelbagai jawatan dalam sektor kerajaan termasuk di Kementerian Luar dengan berkhidmat sebagai diplomat selama 13 tahun di Itali, Maghribi, Singapura dan Indonesia.

Sekembalinya dari luar negara, Tun Mohd. Khalil dilantik sebagai Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (LKWJ).

Pada usia 45 tahun, beliau dilantik sebagai Timbalan Menteri Pendidikan (1982-1984) dan menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri (1984-1986) selain menjadi Menteri Besar Pahang pada 14 Ogos 1986.

Pernah menyandang jawatan sebagai Menteri Penerangan sebelum dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka pada 4 Jun 2004.

Pelantikan sebagai TYT diperkenankan Yang Di-Pertuan Agong (YDPA), Tuanku Syed Sirajuddin Ibni Alharhum Tuanku Syed Putera Jamalullail melalui persetujuan Majlis Raja-Raja Melayu dan sokongan Tun Dr. Mahathir Mohammed yang menjadi Perdana Menteri ketika itu.

Ketika dalam kerajaan, Tun Mohd. Khalil banyak membantu mempermudahkan urusan Perdana Menteri dalam merencana pentadbiran kerajaan.

Kemampuan dan semangat juang serta pengorbanan inilah yang menyebabkan Tun Dr. Mahathir memberikan keyakinan kepada YDPA dan Raja-Raja Melayu agar Tun Mohd. Khalil dilantik sebagai TYT ke 6 di Melaka.

Kehadiran Tun Mohd. Khalil di Melaka diperkukuhkan dengan kepimpinan mantan Ketua Menteri Melaka, Tun Datuk Seri (Dr) Haji Mohd Ali Mohd Rustam ketika itu sekali gus menjadikan Melaka disegani dan sering dijadikan contoh dari aspek sumbangan kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara khususnya dari aspek industri pelancongan, pelaburan dan perindustrian.

Tun Mohd. Khalil sentiasa mengikuti setiap inci perkembangan di Melaka dan mampu menghidu sebarang perubahan serta pembangunan Melaka.

Melaka di bawah kepimpinan Tun Mohd. Khalil yang dibantu Mohd Ali, berjaya menjana pendapatan melalui industri pelancongan, muncul negeri terbersih dan kadar jenayah yang rendah.

**Kepimpinan Tun Mohd. Khalil juga amat lestari dan berjiwa rakyat serta bersifat 'transformational'**

Di samping itu, Melaka pernah memperoleh anugerah One Planet City Challenge (OPCC) sebagai Tapak Warisan Dunia daripada Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) dan Green Apple For The Built Environment and Architectural Heritage daripada The Green Organization.

Pada 2018, Melaka sekali lagi menerima anugerah OPCC daripada Tabung Alam Sekitar Sedunia (WWF) di San Francisco, Amerika Syarikat.

Pengiktirafan ini meletakkan Melaka sebagai bandar raya hijau setanding bandar dunia terkemuka lain.

Tun Mohd. Khalil dan Mohd Ali turut tekad berazam mahu menjadikan Melaka sebagai negeri maju pada 2020.

Kepimpinan Tun Mohd. Khalil dilihat amat berjiwa rakyat apabila tidak akan teragak-agak untuk memberi pengiktirafan kepada mana-mana individu yang dilihat amat berkelayakan dan wajar.

Lantaran daripada kelestarian dan keterbukaan kepimpinan inilah juga ramai rakyat akar umbi, pemimpin politik, tokoh korporat dan artis terkenal dalam dan luar negara diberikan pelbagai gelaran sempena ulangtahun kelahirannya.

Selain Mohd. Ali, dua lagi mantan Ketua Menteri Melaka yang sempat berkhidmat dibawah teraju Tun Mohd. Khalil ialah Datuk Seri Idris Haron dan Adly Zahari sehinggalah beliau Tun meninggalkan tampuk kepimpinan sebagai TYT, pada 4 Jun 2020 ketika Datuk Sulaiman Md Ali menjadi Ketua Menteri Melaka ke 12.

Tun Mohd. Khalil sentiasa mendekati majlis melibatkan golongan bawahan dan asnaf selain menghulurkan sumbangan peribadinya kepada golongan yang mengalami musibah.

Dalam aspek pendidikan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Melaka, Universiti Teknikal Melaka (UTeM) dan Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) adalah antara pusat pengajian tinggi yang senantiasa dikunjungi Tun Mohd. Khalil malah seluruh warga pendidik amat menghargai dan memperoleh pelbagai manfaat daripada keterlibatan dan sumbangan beliau.

Daripada aspek protokol, Tun Mohd. Khalil tidak terlalu bersifat birokrasi.

Buktinya beliau sering turun padang termasuklah ke pasar dan kedai untuk membeli barangan keperluan tanpa melibatkan anggota pasukan keselamatan yang wajar mengiringinya 24 jam.

Tun Mohd. Khalil tidak kekok bersalaman, menegur dan melemparkan senyuman kepada sesiapa sahaja yang ditemui.

Pendekatan gaya kepimpinan inilah juga menyebabkan kepimpinan Tun Mohd. Khalil disambung dari semasa ke semasa sejak 2004.

Namun loceng keramat kepimpinan TYT baharu Negeri Melaka telah berbunyi.

Kini tibalah masa untuk TYT Ke-7 menyambung legasi yang ditinggalkan Tun Mohd. Khalil.

Bagi kami rakyat Melaka ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tun Mohd. Khalil yang banyak menabur bakti kepada bumi Hang Tuah ini.

Jasa Tun Mohd. Khalil akan terus terpahat dalam tinta emas sejarah Melaka untuk selama-lamanya.

Terima kasih Tun.



sec1-mimie(MAIM) 8 jun 2020_Layout 1 5/6/2020 9:15 PM Page 16



# Setinggi-tinggi Tahniah

Kepada



## Tuan Yang Terutama
## Tun Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam

*S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.*

Di atas pelantikan sebagai

## *Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7*

Setulus Ikhlas daripada

MAJLIS PERBANDARAN JASIN

**Yang Dipertua, Ahli-Ahli Majlis, Dan Seluruh Warga Kerja**
**Majlis Perbandaran Jasin**

# Setinggi-tinggi Tahniah

Kepada



**Tuan Yang Terutama**
**Tun Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam**
*S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.*

Di atas pelantikan sebagai

## *Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7*

Setulus Ikhlas daripada

**BZ Group of companies**

**Ban Zen Motors Sdn Bhd,**
**Zen Sports Sdn Bhd, Zenth Capital Sdn Bhd,**
**BZ Top Automobile Services & Zen Realty Sdn Bhd.**

BARU dak am_Layout 1 5/6/2020 8:24 PM Page 3




# Setinggi-tinggi Tahniah

Kepada



**Tuan Yang Terutama**
**Tun Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam**
*S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.*

Di atas pelantikan sebagai

## *Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7*

Setulus Ikhlas daripada

MAMEE

**Mamee-Double Decker (M) Berhad**
Lot 1, Air Keroh Industrial Estate, 75450 Melaka, Malaysia. Tel: +606-232 4466/232 4469 Fax: +606-232 9696
www.mamee.com

EDISI NEW LAYOUT MHI_Layout 1 6/6/2020 1:22 AM Page 5



# Mohd Khalil graduan sulung PhD bidang sejarah KUIM

**LIANA SAHABUDIN**

AYER KEROH - Yang di-Pertua Negeri Keenam, Tun Dr Mohd Khalil Yaakob merupakan graduan sulung Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang menerima penganugerahan itu sempena Istiadat Konvokesyen KUIM ke-21 pada 30 September dan 1 Oktober 2017 lalu.

Penganugerahan ijazah PhD untuk tesis mengenai Kesultanan Melayu Melaka oleh Mohd Khalil itu, disampaikan Canselor Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM), Tun (Dr.) Mohd Ali Rustam pada ketika itu.

Mohd Khalil berjaya memfokuskan kajiannya dalam bidang sejarah berkisar Kesultanan Melayu Melaka bertajuk 'Kebijaksaan Pemerintah Melaka' di bawah seliaan Prof Emeritus Datuk Dr Abdullah Zakaria Ghazali sebagai penyelia utama dan Prof Datuk Dr Mohd Taib Dora sebagai penyelia bersama.

Beliau menjalankan penyelidikan ke Turki, China dan Eropah untuk mendapatkan sumber-sumber primer bagi memantapkan tesis kedoktorannya.

Kegigihan, disiplin dan komitmen Mohd Khalil mengurus masa di antara tugas rasmi dan belajar, tidak menghalang minatnya untuk mendalami ilmu.

Sepanjang pengajian sebagai seorang graduan Ijazah Kedoktoran KUIM, beliau telah melalui proses lazim pengajian tinggi yang ditetapkan pihak universiti.

Beliau melalui prosedur pembentangan-pembentangan tajuk kajian (proposal defense), pembentangan kemajuan kajian (candidature defense), pra peperiksaan lisan (pre-viva) dan peperiksaan lisan (Viva Voce).

Lebih mengagumkan, semasa Mohd Khalil membentangkan hasil penyelidikan dalam Viva Voce itu, ia dihadiri panel MQA (Malaysia Qualification Agency) dan barisan pemeriksa luar serta dalam yang dilantik pihak universiti.

Beliau berjaya membentangkan hasil kajiannya dengan begitu cemerlang. Pencapaian ini merupakan kejayaan yang sangat membanggakan dan bermakna kepada pihak KUIM.

Ia jelas bahawa KUIM komited melahirkan seorang graduan pertama pada peringkat Ijazah Doktor Falsafah lebih-lebih lagi beliau adalah seorang pembesar negeri.

Mohd Khalil pernah memegang jawatan Timbalan Menteri Pendidikan (1982-1984), Menteri di Jabatan Perdana Menteri (1984-1986) serta Menteri Besar Pahang (1986-1999).

Dalam politik, beliau adalah Setiausaha Agung UMNO pada 1999 hingga 2004 sebelum dilantik sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka pada 4 Jun 2004.




**MOHD Khalil menerima penganugerahan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) Sejarah daripada Mohd Ali pada Istiadat Konvokesyen Ke-21 KUIM 2017.**

# Aplikasi 'Bantu Melaka' agih bantuan secara adil, sistematik

AYER KEROH — Kerajaan Melaka melancarkan aplikasi 'Bantu Melaka' dalam usaha memastikan penyaluran dan pengagihan bantuan kepada golongan memerlukan dapat dilakukan secara adil, telus dan sistematik.

Ketua Menteri Datuk Haji Sulaiman Md Ali berkata aplikasi itu dibangunkan sekumpulan penyelidik daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dengan kerjasama Melaka ICT Holding Sdn Bhd (MITCH) serta Majlis Agama Islam Melaka (MAIM).

"Ini merupakan kerjasama pintar dan tanggungjawab sosial di antara UTeM dan kerajaan negeri yang mana aplikasi berkenaan akan membantu mengurus, memantau serta merekod pengagihan bantuan kepada mangsa khususnya ketika bencana atau musibah seperti COVID-19, banjir, kebakaran dan sebagainya.

"Kita berharap golongan memerlukan yang terkesan dapat dibantu dengan segera tanpa tercicir," katanya kepada pemberita selepas melancarkan aplikasi itu, di sini baru-baru ini.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UTeM Prof Dr Zulkifilie Ibrahim dan Ketua Pegawai Eksekutif MITCH Firdaus Saedin.

Aplikasi "Bantu Melaka" boleh dimuat turun menerusi 'Google Play' dan 'App Store' bermula 29 Mei lalu.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata aplikasi itu membolehkan rakyat Melaka mengemukakan permohonan sekiranya memerlukan bantuan dan menyemak status permohonan dari semasa ke semasa serta pengesahan penerimaan bantuan.




**SULAIMAN (dua dari kiri) diberi penerangan menenai aplikasi "Bantu Melaka" di UTeM, baru-baru ini.**

Beliau berkata pengagihan bantuan akan dilakukan oleh pelbagai agensi termasuk MAIM, Jabatan Kebajikan Masyarakat serta Jawatankuasa Pembangunan dan Penyelarasan Dewan Undangan Negeri (Japerun).

Katanya orang ramai juga berpeluang menyalurkan sumbangan atau derma menggunakan fungsi 'crowd-donating' yang disediakan dalam aplikasi itu.

# Melaka benarkan makan dalam kedai mulai 5 Jun



**LIANA SAHABUDIN**

AYER KEROH - Semua premis makanan termasuk restoran, kedai makanan dan hotel di negeri ini dibenarkan makan di dalam premis berkuatkuasa Jumaat lalu.

Ketua Menteri Datuk Haji Sulaiman Md. Ali berkata, kebenaran itu diputuskan kerajaan negeri pada Mesyuarat Jawatankuasa Khas Covid-19 negeri yang dipengerusikan oleh Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Alam Sekitar negeri, Datuk Seri Abdul Ghafar Atan baru-baru ini.

Beliau berkata, walaupun kebenaran makan di dalam (dine in) premis diberikan, namun hidangan secara bufet tidak dibenarkan, selain masa beroperasi terhad sehingga jam 10 malam sahaja.

"Kebenaran ini berkuatkuasa pada 5 Jun (Jumaat) sempena Istiadat Angkat Sumpah Yang di-Pertua Negeri Melaka ke-7.

"Walau bagaimanapun kebenaran yang diberikan masih tertakluk kepada pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh pihak berkuasa termasuk Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN)," katanya.

Menurut beliau, susun atur dalam premis juga mesti mematuhi SOP ditetapkan dengan jarak dua meter antara meja.

"Ini bagi membolehkan penjarakan sosial sekurang-kurangnya satu meter dan setiap satu meja tidak melebihi empat orang," katanya.

Sulaiman berkata, kerajaan negeri berharap dengan kebenaran terbaru ini akan dapat merancakkan semula aktiviti ekonomi negeri, terutama dalam sektor makanan dan minuman.

BARU dak am_Layout 1 5/6/2020 8:25 PM Page 6



# *Setinggi-tinggi Tahniah*

Kepada



## Tuan Yang Terutama
## Tun Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam

*S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.*

Di atas pelantikan sebagai

## *Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7*

Setulus Ikhlas daripada

MPHTJ

YANG DI-PERTUA AHLI MAJLIS,
DAN SELURUH WARGA KERJA MPHTJ

Sukan

# Mohd Ali pejuang sukan bela diri





Mohamad Fazrul Abdul Majid

**BUKAN** sahaja berperanan besar memajukan Melaka, Tun Datuk Seri (Dr) Haji Mohd Ali Mohd Rustam turut menempa nama sebagai antara pejuang bidang sukan, terutamanya sukan bela diri.

Ia dibuktikan apabila beliau menjadi antara 'watak utama' dalam mengembangkan sukan silat dan karate dengan menaungi kedua-dua persatuan terbabit.

Dalam sukan silat misalnya, Mohd Ali telah memegang tampuk kepimpinan tertinggi dengan menjawat jawatan Presiden Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (PESAKA) sejak 2009, iaitu ketika masih memegang jawatan Ketua Menteri Melaka.

Walaupun agak sibuk dengan tugas hakiki dalam membawa kemajuan negeri ketika itu, namun beliau tetap komited terhadap tugasnya menerajui PESAKA dalam usaha memajukan sukan silat yang merupakan seni warisan Melayu itu.

Sepanjang eranya bersama PESAKA telah banyak perubahan yang dilakukan Mohd Ali, terutama mengembangkan lagi sukan seni bela diri itu ke peringkat antarabangsa.

Tidak hanya itu, Mohd Ali turut mementingkan aspek pembangunan sukan di peringkat akar umbi dengan melancarkan Program Satu Sekolah Satu Silat dalam misi melahirkan lebih ramai bintang muda berbakat.

Berkat kerja kerasnya bersama semua tenaga kerja PESAKA, sukan silat Malaysia kini telah dikenali di persada dunia, apatah lagi dengan terlahirnya ramai juara dunia dalam sukan tersebut.

Selain PESAKA, Mohd Ali turut berperanan memacu kegemilangan sukan karate dengan menjawat jawatan Presiden Persekutuan Karate Malaysia (MAKAF).

Jelaslah, Mohd Ali bukan sahaja seorang pemimpin politik yang berketerampilan, malah, beliau juga seorang yang versatil dan mampu menggalas tugas dengan jitu demi kemajuan persatuan sukan yang diterajuinya.

Diharap dengan pelantikannya sebagai Yang di-Pertua Negeri Melaka ke-7, beliau akan terus memacu negeri ini ke arah masa depan yang lebih gemilang termasuk dalam bidang sukan khususnya sukan bela diri.

# Mohd Khalil: Penyokong nombor satu MU

Fuad Ramdan
Foto: MUSA

**MENGIMBAS** kembali kenangan kegemilangan bola sepak Melaka, pastinya saingan pada musim 2015 dan 2016 kekal terngiang-ngiang dalam memori yang terpahat dalam setiap peminat.

Mereka yang menonton secara langsung dari Stadium Hang Jebat pada bukan sahaja menyaksikan ibu sukan ini menjulang Piala FAM 2015 dan Piala Liga Perdana 2016, tetapi dalam masa sama merasai bangkitnya nama Melaka dalam arena bola sepak negara.

Setelah berdepan prestasi terumbang-ambing dan kemarau piala terbesar sejak 1983, skuad pimpinan Mat Zan Mat Aris pada ketika itu menempuhi dua musim yang amat cemerlang.

Namun, dalam keriuhan meraikan kegembiraan, ramai tidak mengetahui bahawa Yang di-Pertua Negeri Ke-6, Tun Dr Mohd Khalil Yaakob dalam diam memberikan sokongan penuh.

Tatkala, Ultras Taming Sari mengetuk gendang, diikuti sorakan semangat dari arah gol lawan, Mohd Khalil pula lebih selesa meluangkan masa menyokong dari arah pintu masuk pasukan dan memilih untuk merendah diri.

Walaupun tampak serius, raut wajahnya pada setiap perlawanan mudah dibaca.

Seperti penyokong lain, beliau juga inginkan kemenangan diraih di halaman sendiri.

Hinggakan beliau digelar peminat nombor satu MU kerana kekerapannya hadir ke stadium, berbanding pemimpin lain.

Disebabkan minatnya yang mendalam terhadap sukan belia ini, beliau turut gemar menyumbang masa dan keringat dalam pelbagai aktiviti membabitkan skuad berkenaan antara ketika meraikan kejayaan skuad itu pada 2017 sempena Melaka Parade.

Akhir kata, terima kasih Tun Mohd Khalil. Sumbangan dan sokongannya terhadap sukan di Melaka, terutamanya bola sepak amat dihargai.

Semoga terus dimurahkan rezeki dan dipanjangkan umur. Selamat berehat Tun Mohd Khalil Yaakob.





page aizat_Layout 1 6/6/2020 2:10 AM Page 8



# Setinggi-tinggi Tahniah

Kepada



**Tuan Yang Terutama**
**Tun Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam**
*S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.*

Di atas pelantikan sebagai

## *Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7*

Setulus Ikhlas daripada

**HATTEN 惠胜**

# Setinggi-tinggi Tahniah

Kepada



**Tuan Yang Terutama**
**Tun Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam**
*S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.*

Di atas pelantikan sebagai

## *Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7*

Setulus Ikhlas daripada

**Datuk Bandar,**
**Ahli-Ahli Majlis,**
**Setiausaha Bandaraya,**
**Ketua-Ketua Jabatan**
**dan seluruh warga kerja**
**Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah**

# *Setinggi-tinggi Tahniah*

Kepada



## Tuan Yang Terutama
## Tun Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam

*S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.*

Di atas pelantikan sebagai

## *Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7*

Setulus Ikhlas daripada

psh PUTRA SPECIALIST HOSPITAL

PUTRA SPECIALIST HOSPITAL (MELAKA) SDN BHD

Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif,
Doktor Pakar dan seluruh warga kerja
Putra Specialist Hospital (Melaka) Sdn Bhd

page aizat_Layout 1 6/6/2020 2:10 AM Page 9



# Setinggi-tinggi Tahniah

Kepada



**Tuan Yang Terutama**
**Tun Datuk Seri (Dr.) Hj. Mohd Ali bin Mohd Rustam**
*S.M.N., P.S.M., S.P.D.K., D.G.S.M., D.C.S.M., D.M.S.M., D.S.M., P.B.M.*

Di atas pelantikan sebagai

## *Yang di-Pertua Negeri Melaka Ke-7*

Setulus Ikhlas daripada

TENAGA NASIONAL
*Better. Brighter.*